

Dua beradik bersama rakan ditangkap

18 Disember 2017

Dua beradik bersama rakan ditangkap



TUMPAT - Dua beradik bersama seorang rakannya yang dipercayai pengedar dadah ditahan kerana memiliki dadah bernilai RM41,082.50 di sebuah rumah di Jalan Belakang Stesen di Wakaf Bharu di sini semalam.

Dalam serbuan kira-kira pukul 2.15 pagi itu, ketiga-tiga suspek yang berusia 26 hingga 30 tahun itu ditahan bersama 19 botol heroin, 42.75 gram syabu dan dua biji pil kuda yang dipercayai untuk dijual di daerah ini.

Pemangku Ketua Polis Daerah Tumpat, Superintendan Mohamed Zulmazi Che

ZULMAZI (dua dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat semalam.

Daud berkata, serbuan dijalankan sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat ketika kesemua suspek sedang tidur di rumah dua tingkat berkenaan.

“Siasatan awal mendapati suspek berusia 30 tahun pernah dipenjarakan di Thailand selama tiga tahun bersabit kes dadah dan baru sahaja dibebaskan bulan Julai 2016.

“Suspek dipercayai aktif mengedar di sekitar Wakaf Bharu, Tumpat sejak tiga hingga empat bulan lalu dan memperoleh bekalan dari Thailand. Dua suspek ditahan di tingkat bawah manakala seorang lagi di bilik tidur tingkat atas,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Zulmazi memberitahu, selain dadah pihaknya turut merampas wang tunai sebanyak RM730 dipercayai hasil jualan dadah di dalam rumah dan disorok di garaj.